

Headline	CHiMP produk terbaru pelancongan		
MediaTitle	Berita Harian (Utara)		
Date	11 Jun 2012	Color	Full Color
Section	Berita	Circulation	231,163
Page No	n1	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	334 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,450
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,350



CHiMP produk terbaru pelancongan

Taman tumbuhan gunung jadi pusat kajian

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bharian.com.my

CAMERON HIGHLANDS: Projek Cameron Highlands Montane Park (CHiMP) yang menempatkan pelbagai spesies tumbuhan gunung dijangka bakal menjadi produk terbaru sektor pelancongan di kawasan tanah tinggi berkenaan.

Dibangunkan oleh Jabatan Perhutanan Pahang, CHiMP bukan saja salah satu produk pelancongan di negeri itu, malah ia juga bakal menjadi pusat penyelidikan dan kajian tumbuhan tanah tinggi yang sukar ditemui di tempat lain.

Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Datuk Prof Dr Abd Rahman Abd Rahim, berkata di CHiMP, pengunjung berpeluang melihat pelbagai spesies tumbuhan yang hanya terdapat di kawasan gunung dan bukit di negara ini.

Beliau berkata, antara spesies yang akan ditempatkan di situ ialah pelbagai spesies orkid, halia, periuk kera, paku pakis dan herba yang kebanyakannya memiliki keunikan tersendiri serta tidak ditemui di kawasan rendah.

“Saya berharap Jabatan Perhutanan Pahang segera membangunkan projek berkenaan yang akan menjadi produk terbaru di Cameron Highlands, malah kita sedia membantu dari segi khidmat nasihat dan peruntukan kewangan.

“Projek CHiMP yang terletak dalam kawasan Hutan Lipur Parit Falls di Tanah Rata akan menjadi pelengkap kepada kunjungan pelancong ke tempat berkenaan yang terkenal dengan laluan pejalan kaki dalam kawasan hutan,” katanya selepas melakukan lawatan ke projek berkenaan yang sebelum ini sudah dibangunkan dengan kerjasama penyelidik daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong, Selangor.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Datuk Mohd Paiz Kamaruzaman.

Abd Rahman berkata, projek CHiMP yang akan dibangunkan secara berperingkat itu di harap menjadi produk kebanggaan bukan saja Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, tetapi juga JPSM yang bertanggungjawab menguruskan hu-

tan negara.

Katanya, untuk memastikan projek itu menjadi kenyataan, sokongan semua jabatan perhutanan negeri diperlukan selain khidmat kepakaran mereka boleh menyumbang benih tumbuhan yang terdapat di kawasan masing-masing.

“Saya yakin dengan kerjasama ini, projek CHiMP akan menjadi kenyataan suatu hari nanti. Ia mampu melonjakkan nama Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dan JPSM pada peringkat antarabangsa.

“Projek berkenaan akan menjadi pelengkap kepada produk pelancongan di hutan lipur Parit Falls yang sudah terkenal di kalangan pelancong yang meminati aktiviti berjalan di dalam hutan untuk melihat pelbagai spesies pokok sambil menghirup udara segar,” katanya.

Sementara itu, Mohd Paiz berkata, setiap tahun peruntukan sebanyak RM20,000 disediakan untuk menaik taraf projek berkenaan memabitkan kemudahan dan menambah jumlah tumbuhan.

Headline	CHiMP produk terbaru pelancongan		
MediaTitle	Berita Harian (Utara)		
Date	11 Jun 2012	Color	Full Color
Section	Berita	Circulation	231,163
Page No	n1	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	334 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,450
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,350



ABD RAHMAN (kiri) bersama Mohd Paiz (kanan) melawat projek Cameron Highlands Montane Park di Cameron Highlands, Raub.